



**TEKNIK PENGAJARAN & PEMBELAJARAN (P&P) BERKESAN MELALUI
PSIKOLINGUISTIK DALAM PENULISAN ULASAN BAHASA MELAYU
TINGKATAN TIGA**

***[TEACHING & LEARNING TECHNIQUES (P&P) EFFECTIVE THROUGH
PSYCHOLINGUISTIC IN WRITING FORM THREE MALAY SHORT ESSAY]***

SITI NORIDAYU ABD. NASIR¹ & HAZLINA ABDUL HALIM¹

¹ Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Jalan Universiti 1,
43400 Serdang, Selangor, MALAYSIA

Email: noridayu87_nasir@yahoo.com; halina_ah@upm.edu.my

*Corresponding Author: noridayu87_nasir@yahoo.com

Received: 27 September 2023 | Accepted: 19 October 2022 | Published: 11 December 2023

Abstrak

Teknik pengajaran dalam penulisan ulasan bahasa Melayu begitu penting kepada pelajar. Hal ini kerana, teknik pengajaran yang berkesan dapat membantu pelajar menghasilkan penulisan yang baik. Malahan, penggunaan teknik pengajaran dapat meningkatkan kemahiran menulis ulasan pelajar yang lemah dalam penulisan. Kajian yang dijalankan ini mengamati teknik pengajaran yang digunakan dalam pengajaran ulasan tingkatan tiga sepanjang enam bulan bermula Mac hingga September di Pusat Tuisyen Ilmu Imtiyaz. Selain itu, kajian yang dijalankan ini bertujuan mencadangkan teknik pengajaran ulasan bagi menghasilkan penulisan yang baik. Hasil dapatan kajian mendapati teknik pengajaran di dalam kelas adalah berbeza mengikut kemahiran yang dimiliki pelajar. Oleh itu, teknik penggunaan rangka karangan dan peta minda hanya berkesan kepada pelajar yang mahir dalam penulisan dan mempunyai pengetahuan am yang baik. Manakala, teknik menyalin semula ulasan yang betul merupakan cara yang sesuai digunakan kepada pelajar yang lemah dalam penulisan. Begitu juga, teknik perbincangan dalam kumpulan dengan rakan sebaya begitu efektif digunakan bagi pelajar yang berada di tahap yang lemah. Adalah diharapkan kajian yang dijalankan ini dapat membantu guru-guru dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) di sekolah dan pusat tuisyen. Selanjutnya, kajian ini menerapkan aspek psikolinguistik

dalam teknik yang digunakan untuk proses pembelajaran bagi meningkatkan kemahiran dalam penulisan bahasa Melayu.

Kata kunci: *Teknik pengajaran, penulisan ulasan, Bahasa Melayu tingkatan tiga, psikolinguistik*

Abstract

The teaching techniques in writing Malay short essays are so important to students. This is because effective teaching techniques can help students produce good writing. In fact, the use of teaching techniques can improve the writing skills of students who are weak in writing. This study examines the teaching techniques used in the teaching of form three reviews over the course of six months from March to September at the Imtiyaz Tuition Center. In addition, this study was aimed at suggesting teaching techniques to produce good writing. The findings show that the teaching techniques in the classroom are different according to the skills of the students. Therefore, the use of skeletal techniques and mind maps is only effective for students who are proficient in writing and have good general knowledge. Whereas, reproducing the correct review techniques is a suitable way to apply to students who are weak in writing. Similarly, group discussion techniques with peer groups are so effective for students who are at a weak level. It is hoped that this study will help teachers in Teaching and Learning (P&P) processes at schools and tuition centers. Furthermore, this study applies psycholinguistic aspects in the techniques used for the learning process to improve skills in Malay writing.

Keywords: teaching techniques, short essay, Malay form three, psycholinguistic

Cite as: Siti Noridayu Abd. Nasir & Hazlina Abdul Halim. (2023). Teknik Pengajaran & Pembelajaran (P&P) Berkesan Melalui Psikolinguistik dalam Penulisan Ulasan Bahasa Melayu Tingkatan Tiga [Teaching & Learning Techniques (P&P) Effective Through Psycholinguistic in Writing Form Three Malay Short Essay]. *International Journal of Islamic Products and Malay Civilization*, 2(2), 49-67.

PENGENALAN

Menjelang dewasa ini, cabaran dalam bidang pendidikan begitu mencabar minda pelajar. Begitu juga, proses Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) bagi subjek bahasa Melayu tingkatan tiga. Oleh itu, penulisan merupakan elemen terpenting dalam menghadapi peperiksaan bahasa Melayu di Malaysia. Lazimnya, penulisan menjadi salah satu ujian yang paling penting untuk menguji minda dan penguasaan bahasa Melayu pada setiap peringkat tertentu. Maka kemahiran menulis memerlukan pelajar menguasai aspek penting dalam sistem tatabahasa bahasa Melayu melibatkan beberapa asas penguasaan dalam beberapa bidang yang lebih kecil. Antaranya, kemahiran penggunaan tanda baca, sinonim, antonim, pembinaan ayat yang gramatis serta elemen dalam pelbagai cabang tatabahasa bahasa Melayu. Azhar Md Sabil *et.al*, (2020) menyatakan murid didedahkan dengan penekanan terhadap aspek morfologi, sintaksis dan wacana, selain daripada

aspek yang berkaitan dengan teknikal seperti tanda baca, ejaan dan kekemasan tulisan yang dihasilkan. Kepentingan tatabahasa dalam bahasa Melayu menjadi pelengkap bagi melunaskan pemerenggan karangan yang baik dan teratur.

Selain itu, dalam tatabahasa bahasa Melayu lazimnya penguasaan melibatkan kata kerja, kata adjektif, penggunaan imbuhan (awalan, akhiran dan apitan), kata nama khas, kata nama am, kata ganti diri manusia dan elemen kecil lain dalam garapan sesuatu binaan ayat yang baik untuk penulisan bahasa Melayu. Malah, menurut Che Zanariah Che Hassan dan Fadzilah Abd Rahman (2011) menjelaskan bahawa kemahiran menulis merupakan kemahiran kognitif yang kompleks dan merupakan tugas yang mencabar bagi guru dan murid ketika sesi pengajaran dan pembelajaran. Oleh yang demikian, kemahiran menulis perlu dikuasai oleh pelajar tingkatan tiga sebelum menjelang hari peperiksaan sebenar yang dilaksanakan pada setiap akhir tahun. Selain itu, kemahiran menulis bukan sesuatu yang boleh dipandang remeh oleh guru dalam setiap peringkat peperiksaan pelajar kerana menjadi penanda aras penguasaan mereka dalam penilaian setiap ujian atau peperiksaan bahasa Melayu.

Seterusnya, peranan guru yang bersikap positif, mengambil berat dan prihatin terhadap pelajar dapat membantu meningkatkan kemahiran menulis pelajar dalam menguasai penulisan karangan panjang dalam bahasa Melayu. Berdasarkan Che Zanariah Che Hassan dan Fadzilah Abd Rahman (2011) mencadangkan guru-guru perlu bersikap positif terhadap kemahiran menulis dan melaksanakan kemahiran menulis dengan strategi yang lebih berkesan. Oleh itu, guru perlu menggunakan teknik pengajaran yang berkesan dan kreatif supaya dapat meningkatkan markah dalam penilaian penulisan ulasan bahasa Melayu pelajar agar lebih baik. Malah, dalam masa yang sama pelajar dapat menguasai penulisan bahasa Melayu dengan lebih efektif dan sistematik. Melalui asas Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) yang baik maka pelajar dapat menghasilkan penulisan ulasan yang baik serta menepati kehendak pemeriksa.

Azhar Md Sabil *et. al*, (2020) menjelaskan kemahiran menulis merupakan satu daripada kemahiran berbahasa yang utama selepas kemahiran lisan dan kemahiran membaca. Malah, kemahiran menulis diperlukan oleh murid bagi menguasai subjek yang dipelajari di dalam kelas. Oleh itu, tambah Azhar Md Sabil *et.al*, (2020) pada peringkat sekolah menengah, keupayaan melahirkan idea melalui pelbagai jenis penulisan menjadi matlamat akhir kemahiran ini diajarkan. Berdasarkan Abdul Ghani Jalil (2016) menjelaskan kemahiran menulis merujuk kepada keupayaan murid mengeluarkan idea melalui pelbagai jenis penulisan yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi yang telah dilalui dengan menggunakan ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul, serta tulisan yang jelas dan kemas. Ahmad Fikri Ab. Rahman dan Zamri Mahamod (2019) menjelaskan kemahiran menulis merupakan antara komponen yang terkandung dalam pengajaran Bahasa Melayu. Tambah Ahmad Fikri Ab. Rahman dan Zamri Mahamod (2019) lagi, murid diajar dan dibimbing untuk menulis secara ansur maju dari penulisan abjad, kata, frasa hinggalah wacana yang mampu membentuk penulisan karangan.

Hal ini demikian kerana, penulisan ulasan adalah salah satu penilaian yang diterapkan dalam silibus bahasa Melayu di Malaysia pada tahap tingkatan tiga. Malah, ulasan bertujuan melihat keterampilan menulis pelajar dalam memendekkan, memilih dan menyatukan isi penting dengan padat dalam satu bahagian penting binaan ulasan. Oleh yang demikian, pelajar perlu lebih

cakna dalam memastikan cantuman frasa- frasa melibatkan isi tersurat dalam disusun dengan sempurna dan gramatis. Rentetan itu, kajian ini memberikan fokus yang mendalam terhadap teknik yang baik bagi pelajar tingkatan tiga melaksanakan tugas dalam menulis ulasan bahasa Melayu mereka. Penulisan ulasan bahasa Melayu yang baik dan terampil dihasilkan melalui pendidikan melalui teknik dan strategi pembelajaran yang berkesan serta bersesuaian di bilik darjah.

Oleh yang demikian, penerapan aspek psikolinguistik merupakan salah satu cara berkesan dalam pembelajaran bahasa Melayu. Berdasarkan Zulkifli Hamid (2011) menurut pandangan ahli-ahli psikolinguistik, pengetahuan bahasa boleh dikuasai melalui dua cara, iaitu menerusi proses pemerolehan dan pembelajaran. Maka, pembelajaran dalam penulisan bahasa Melayu juga bersandarkan kepada pemerolehan bahasa murid dan pembelajaran secara formal di sekolah oleh mereka. Tambah Zulkifli Hamid (2011) lagi, dalam pengajaran yang bersifat pengkayaan, fokus seharusnya terhadap membina kemahiran berbahasa dalam situasi formal atau disasarkan ke arah membentuk pengguna bahasa yang bergaya profesional, iaitu mereka yang mampu membezakan antara output yang gramatis dan tidak gramatis, serta dapat menggunakan istilah, cara dan format penyampaian yang tepat untuk situasi penggunaan yang tertentu.

SOROTAN KAJIAN

Bagi melaksanakan kajian dengan lebih baik, jelas dan teratur maka penyelidik perlu terlebih dahulu meneliti kajian lepas yang hampir sama dengan kajian ini. Antara aspek yang diteliti dengan kritis dan ilmiah adalah penggunaan objektif kajian, metodologi kajian yang melibatkan kaedah pelaksanaan, penggunaan teori kajian, hasil dapatan kajian serta cadangan daripada kajian terdahulu. Malah, cadangan daripada kajian lepas berpotensi menjadi persoalan kajian ini. Selain itu, ruang atau lompang kajian lepas menjadi elemen penting hingga terhasilnya idea untuk melaksanakan kajian ini. Oleh yang demikian, kajian lepas tentang penulisan ulasan atau karangan bahasa Melayu, teknik pengajaran penulisan bahasa Melayu dan aspek tatabahasa bahasa Melayu dianalisis dalam sorotan kajian ini.

Siti Noridayu Abd. Nasir dan Hazlina Abdul Halim (2023) menjalankan kajian tentang aplikasi Kerangka Standard Bahasa Melayu (KBSM) dalam menilai penulisan bahasa Melayu untuk pelajar tingkatan tiga. Kajian dilaksanakan dengan tujuan melihat sejauh mana KBSM dapat mengukur tahap penguasaan penulisan ulasan pelajar tingkatan tiga di sebuah pusat tuisyen di Putrajaya. Item kajian yang diaplikasikan adalah buku aktiviti bahasa Melayu Tingkatan Tiga *Big Ideas*. Dapatan kajian memperlihatkan KBSM berupaya menjadi alat pengukur yang baik untuk menilai tahap penguasaan penulisan ulasan dan karangan bahasa Melayu.

Siti Zeharah Abd Rahman *et.al*, (2021) melaksanakan kajian tentang pengetahuan bakal guru bahasa Melayu berkaitan pengetahuan bakal guru melibatkan pengajaran karangan berformat pada peringkat menengah atas. Kajian dilaksanakan bagi mengenal pasti tahap pengetahuan bakal guru bahasa Melayu terhadap teknik pengajaran dalam karangan berformat. Sampel bagi kajian ini adalah 79 orang pelajar bahasa Melayu semester lima dan tujuh daripada Fakulti Pengajian Pendidikan di Universiti Putra Malaysia. Dapatan kajian memperlihatkan pengetahuan bakal guru bahasa Melayu terhadap teknik sumbang saran dan bercerita berada pada tahap yang tinggi. Bagi

teknik dialog pula adalah cara yang paling sesuai digunakan untuk karangan berformat jenis wawancara. Oleh itu, tahap pengetahuan guru terhadap teknik pengajaran karangan berformat menengah atas adalah tinggi dengan pengaplikasian teknik pengajaran yang sesuai.

Izan Mohd Yusoff *et.al*, (2020) menjalankan kajian tentang psikolinguistik dalam proses pembelajaran bahasa serta kaitannya dengan pendidikan bahasa. Kajian bertujuan membincangkan konteks pendidikan dalam psikolinguistik melibatkan pembelajaran bahasa. Bidang ini adalah antara aspek bahasa dan otak manusia dalam pembelajaran bahasa yang perlu diaplikasikan secara tersusun dengan unsur tatabahasa yang betul. Selain itu, kajian membahaskan tentang perkembangan bahasa kanak-kanak yang mempunyai tahap dalam pembelajaran mereka. Oleh yang demikian, kajian memperlihatkan psikolinguistik bahasa mempunyai hubungan dengan perkembangan dan pembelajaran dalam bahasa kedua manusia.

Lai Lee Chung *et.al*, (2017) menjalankan kajian berkaitan amalan dalam pengajaran guru bahasa Melayu tingkatan empat bagi penulisan karangan. Kajian juga melihat dari aspek kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif juga pembelajaran yang dilaksanakan secara kolaboratif. Kajian dilaksanakan bertujuan mengenal pasti pendekatan pengajaran untuk penulisan esei kepada pelajar tingkatan empat secara kritis dan kreatif melalui pendekatan kolaboratif. Sampel kajian ini seramai 10 orang guru bahasa Melayu juga berbangsa Melayu yang mengajar pelajar tingkatan empat. Dapatan memperlihatkan guru masih mendominasi teknik pengajaran dan pembelajaran (P&P) dalam bilik darjah. Malah, guru juga masih melaksanakan pengajaran penulisan esei secara konvensional.

Abdul Rasid Jamian *et.al*, (2016) menjalankan kajian tentang aplikasi teknik Didik Hibur bagi meningkatkan pencapaian dalam penulisan karangan bahasa Melayu. Tujuan untuk mengenal pasti teknik dan strategi serta elemen lakonan dalam penulisan karangan melalui didik hibur. Seramai 80 orang guru bahasa Melayu sekitar Putrajaya dipilih bagi analisis data kajian ini. Hasil kajian memperlihatkan strategi dan teknik pengajaran penulisan karangan melalui teknik didik hibur dapat meningkatkan kemahiran dalam penulisan karangan bahasa Melayu.

Norfaizah Abdul Jobar *et.al*, (2016) telah menjalankan kajian tentang metafungsi bahasa dalam penulisan karangan. Kajian ini memfokuskan kepada aplikasi tema dan metafungsi bahasa dengan mengaplikasikan FL (Linguistik Fungsional Sistemik). Hasil kajian diperoleh melalui penggunaan bahasa yang digunakan oleh murid bahasa kedua semasa memulakan ayat. Oleh itu, penyelidik mengenal pasti penggunaan tema yang hadir dalam penulisan karangan jenis pendapat melalui analisis 366 ayat daripada 21 buah karangan yang ditulis oleh responden. Kemudian, tema dianalisis dengan mengambil kira tema bertanda dan tidak bertanda serta metafungsi bahasa. Rentetan itu, penelitian dapatan kajian melibatkan tiga kategori, iaitu tema interpersonal, tema ideasional dan tema tekstual. Hasil dapatan kajian mendapati murid memanfaatkan tema tidak bertanda, tema ideasional dan tema tekstual untuk memulakan ayat awal.

Nurul Aisyah Abdullah *et. al*, (2016) menjalankan kajian tentang faktor-faktor yang dapat mempengaruhi penulisan karangan bahasa Melayu pelajar sekolah menengah. Kajian dijalankan bertujuan melihat pengaruh faktor yang mempengaruhi karangan bahasa Melayu pelajar sekolah menengah di sekitar Manjung, Perak. Kajian ini adalah berbentuk tugas lapangan yang menggunakan set soal selidik yang diberikan kepada 400 orang pelajar tingkatan 4 sebagai alat

kajian. Lokasi kajian merangkumi kawasan bandan dan luar bandar di Manjung, Perak. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa faktor-faktor utama yang mempengaruhi penulisan karangan pelajar secara keseluruhan adalah berada pada tahap sederhana (faktor pengajaran dan pembelajaran = min 2.62, faktor individu = min 2.34 dan faktor persekitaran = min 3.00. Dari segi perbezaan jantina, didapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan faktor yang mempengaruhi penulisan karangan Bahasa Melayu antara murid.

Baiziela Sapingi @ Shapiee (2012) menjalankan kajian tentang penggunaan peta minda dan kata tanya dalam meningkatkan kemahiran menulis karangan jenis fakta bahasa Melayu murid tahun empat. Kajian ini memfokuskan kepada kesan penggunaan peta minda dan kata tanya dalam menuli karangan jenis fakta bahasa Melayu. Kemudian, tambah baik amalan pengajaran semasa menggunakan kaedah peta minda dan kata tanya dalam meningkatkan kemahiran menulis karangan jenis fakta bahasa Melayu. Penyelidik membincangkan tentang refleksi sebagai dapatan kajian adalah refleksi penilaian tindakan. Antaranya adalah kesan terhadap peserta kajian, kesan terhadap amalan sendiri dan kesan terhadap kurikulum. Kemudian, refleksi pembelajaran sendiri yang membincangkan tentang amalan profesion guru, amalan sebagai guru bahasa Melayu dan amalan sebagai penyelidik dalam PT. Malahan, penyelidik juga mencadangkan supaya menggunakan alat bantu mengajar yang lebih menarik juga peta minda yang berwarna-warni dalam proses pembelajaran.

Che Zanariah Che Hassan dan Fadzilah Abd Rahman (2011) berkaitan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis di sekolah pada peringkat rendah. Oleh itu, kajian yang dijalankan ini mengamati sikap guru terhadap pengajaran dan pembelajaran sekolah rendah di daerah Kuala Terengganu. Selain itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti aplikasi pengajaran dan pembelajaran dalam kemahiran menulis yang digunakan. Malahan kajian bertujuan mengenal pasti masalah pengajaran kemahiran menulis yang berlaku di sekolah tersebut. Hasil dapatan kajian mendapati tahap kemahiran menulis pelajar berada pada tahap yang sederhana. Malahan sikap guru dalam proses pengajaran juga tidak memuaskan kerana masih ada guru yang bersikap negatif semasa mengajar. Oleh itu, kajian ini signifikan dengan kajian yang dijalankan untuk mencadangkan teknik pengajaran penulisan ulasan dan penulisan bahasa Melayu PT3.

Umi Nadiha Mohd Nor (2011) mengamati tentang penerapan kemahiran generik dalam pengajaran guru bahasa Melayu di sekolah menengah. Kajian ini memfokuskan kepada kemahiran generik yang diterapkan dalam Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) bahasa Melayu, perbezaan yang signifikan dalam pengajaran antara guru lelaki dan perempuan dan penerapan pengalaman mengajar guru dengan kemahiran generik dalam pengajaran. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa pengajaran dengan menggunakan kemahiran komputer adalah lebih berkesan diaplikasikan kepada pelajar. Walaupun pengajaran bahasa Melayu hanya berkaitan dengan bahasa tetapi penggunaan komputer lebih sesuai dengan keperluan pelajar dan pendidikan kini. Kajian ini signifikan dengan kajian yang dijalankan untuk mencadangkan pembaharuan pengajaran bahasa Melayu menggunakan teknologi yang lebih canggih.

Konklusinya, sorotan dalam kajian lepas membincangkan tentang penulisan esei dalam karangan dan ulasan bahasa Melayu mempunyai kekurangan. Malah, kajian lepas juga membicarakan dengan lebih teliti berkaitan teknik pengajaran dan pembelajaran yang

diaplikasikan dalam kelas untuk meningkatkan tahap kemahiran dalam penulisan esei bahasa Melayu. Malah, kajian terdahulu juga memberikan fokus kepada pembelajaran penulisan esei yang berlaku di sekolah oleh pelajar. Oleh yang demikian, kajian yang dilaksanakan ini bersandarkan kepada ruang daripada kajian lepas dengan mengenal pasti pula aspek penulisan esei ulasan bahasa Melayu pada tahap tingkatan tiga di pusat tuisyen.

METODOLOGI KAJIAN

Dalam metodologi kajian terbahagi kepada beberapa pecahan yang diperlukan untuk melaksanakan kajian ini. Kajian yang dijalankan ini adalah berbentuk kualitatif yang menganalisis dapatan melalui sampel secara terperinci dan mendalam. Malah, metodologi adalah prosedur dalam pelaksanaan kajian untuk mendapatkan data kajian. Zanaton Iksan *et. al*, (2016) menjelaskan dalam kajian yang menggunakan pendekatan kualitatif, data yang diperoleh perlu diyakini dan benar agar hasil dapatan kajian boleh dipercayai dan tidak dipertikaikan kesahihannya. Tambah Zanaton Hj. Iksan *et. al*, (2016) menyatakan kajian kualitatif menggariskan beberapa proses untuk memastikan data yang diperoleh mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Oleh itu, metodologi kajian dibahagikan kepada objektif kajian, kaedah kajian, batasan kajian, kepentingan kajian, lokasi kajian, sampel kajian dan teori kajian.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan secara khusus bertujuan:

- i. Menjelaskan teknik pengajaran penulisan ulasan tingkatan di Pusat Tuisyen.
- ii. Mengenal pasti teknik penulisan ulasan yang sesuai dan berkesan digunakan kepada pelajar tingkatan tiga.
- iii. Mencadangkan teknik pengajaran penulisan ulasan yang lebih sesuai kepada pelajar tingkatan tiga.

Kaedah Kajian

Kemudian, kaedah yang diaplikasikan dalam kajian ini adalah berdasarkan rujukan bahan ilmiah. Antaranya adalah bahan seperti artikel jurnal ilmiah yang dimuat naik secara atas talian dan bercetak. Bagi mendapatkan bahan artikel jurnal berkualiti maka jurnal berwasit melalui laman rasmi dirujuk. Selain itu, bahan ilmiah seperti buku akademik berkaitan kajian dijadikan bahan rujukan. Terdapat juga bahan lain seperti artikel majalah, akhbar dan lain-lain yang mempunyai kebolehpercayaan serta kesahan boleh digunakan sebagai rujukan kajian kualitatif yang dilaksanakan secara deskriptif.

BATASAN KAJIAN

Seterusnya, terdapat batasan dalam pelaksanaan kajian ini dengan hanya memberikan fokus kepada kumpulan kecil di dalam sebuah kelas sahaja. Hal ini demikian kerana, mengambil kira silibus pembelajaran, masa kelas dan guru yang ditugaskan untuk kelas tersebut. Kajian juga dibataskan dengan memberikan fokus utama kepada penulisan ulasan karangan bahasa Melayu tingkatan tiga sahaja. Justifikasi pemilihan tingkatan tiga kerana tahap ini penting bagi keputusan peperiksaan untuk menentukan kemasukan aliran pengajian di tingkatan empat. Manakala, pemilihan buku aktiviti bahasa Melayu Tingkatan Tiga *Big Ideas* kerana digunakan sebagai buku latihan bagi pusat tuisyen tersebut. Malah, kandungan buku latihan ini menggunakan modul peperiksaan yang sama dan standard serta bersesuaian digunakan untuk latihan kelas.

KEPENTINGAN KAJIAN

Selepas itu, kajian ini dilaksanakan dengan kepentingan:

- i. Memberikan cadangan teknik pembelajaran untuk penulisan karangan esei jenis ulasan bahasa Melayu yang baik kepada pelajar.
- ii. Guru dapat mengaplikasikan teknik yang baik untuk meningkatkan kemahiran dalam menulis karangan jenis ulasan bahasa Melayu bagi meningkatkan gred serta markah yang baik.
- iii. Ibu bapa juga dapat mengaplikasikan teknik penulisan esei karangan jenis ulasan di rumah sebagai latihan tambahan kepada pelajar.
- iv. Panduan teknik pengajaran dan pembelajaran berkesan dapat memahirkan pelajar dalam menulis esei karangan ulasan bahasa Melayu untuk membantu pelajar yang lemah dalam bahasa Melayu.

LOKASI KAJIAN

Selanjutnya, kajian ini dilaksanakan di kelas tuisyen bahasa Melayu tingkatan tiga yang bertempat di Pusat Tuisyen Ilmu Imtiyaz, Presint 11, Putrajaya.

SAMPEL KAJIAN

Responden kajian adalah tujuh orang sampel pelajar daripada kelas yang sama di Pusat Tuisyen Ilmu Imtiyaz. Malah, sampel adalah pelajar yang tinggal dan bersekolah dalam kawasan sekitar Putrajaya.

DAPATAN KAJIAN

Oleh itu, kajian ini telah dijalankan di Pusat Tuisyen Imtiyaz, Putrajaya selama enam bulan. Kajian ini bermula Mac hingga September bagi melihat proses pembelajaran dan hasil melalui ujian bertulis. Terdapat tujuh orang pelajar yang berdaftar dengan Pusat Tuisyen Imtiyaz diambil sebagai sampel sepanjang kajian dijalankan. Teknik pengajaran penulisan ulasan diajar selama satu jam pada setiap hari Isnin. Kelas ini diadakan pada setiap minggu mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh pusat tuisyen tersebut. Oleh itu, kajian ini dijalankan sebanyak empat sesi dalam satu bulan. Seterusnya, kajian yang dijalankan ini mengambil kira latar belakang pelajar yang bersekolah di sekolah yang sama. Malah, semua pelajar ini datang daripada kawasan penempatan yang sama di Putrajaya. Selain itu, pelajar kesemuanya berusia 15 tahun yang berada pada tahap tingkatan tiga. Pelajar terdiri daripada empat orang lelaki dan tiga orang perempuan. Oleh itu, kumpulan kecil pelajar yang mempunyai jantina yang hampir seimbang memudahkan proses pengajaran berlangsung.

Objektif Kajian i:

Menjelaskan teknik pengajaran penulisan ulasan tingkatan di Pusat Tuisyen.

Penulisan ulasan memerlukan pelajar menulis ulasan yang panjang antara 80 hingga 100 patah perkataan sahaja. Selain itu, ulasan begitu penting kerana mewakili sebanyak 15 markah dalam peperiksaan bertulis tingkatan tiga. Bagi menjawab objektif pertama kajian maka semua teknik pengajaran yang digunakan semasa proses Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) dijelaskan secara keseluruhannya dalam kajian ini. Bagaimanapun, teknik pengajaran yang digunakan berbeza dari semasa ke semasa bergantung kepada keperluan pelajar dan kesesuaian keadaan. Hal ini kerana, Tengku Sarina Aini Tengku Kassim dan Yusmini Md. Yusoff (2006) menjelaskan kaedah yang berbeza memberi peluang kepada pelajar bagi membuat aktiviti di dalam kelas secara bebas dan aktif, sama ada dengan aktiviti perbincangan, pertukaran idea, pemindahan buah fikiran, keupayaan berhujah dan mengeluarkan pendapat.

Berdasarkan Iis Lisnawati (2008) menjelaskan tingkah laku manusia semasa bercakap dan menulis atau ketika menghasilkan bahasa, sedangkan tingkah laku yang tidak dilihat adalah sikap manusia semasa memahami yang disemak atau dibaca sehingga menjadi sesuatu yang diujarkan atau ditulis. Oleh yang demikian, aspek penulisan bahasa melibatkan psikologi yang berlaku sejak manusia lahir hingga meningkat dewasa. Malah, pembelajaran bahasa melibatkan pemahaman semasa pembelajaran formal dan tidak formal. Fenomena ini memperlihatkan bahawa pembelajaran murid di sekolah dan pusat tuisyen dalam mempelajari penulisan aspek karangan bahasa Melayu adalah elemen dalam psikolinguistik manusia.

Kemudian, kebolehan pelajar menguasai teknik pengajaran penulisan ulasan dikelaskan mengikut pemarkahan sebenar ulasan yang diperoleh pelajar terhadap teknik pengajaran tersebut. Melalui keputusan markah yang diperoleh pelajar maka pengajar dapat menilai kemampuan dan kesesuaian pelajar tersebut dengan teknik pengajaran yang digunakan. Terdapat tiga teknik yang

digunakan dalam pengajaran penulisan ulasan. Oleh itu, penilaian markah berdasarkan skema peperiksaan sebenar tingkatan tiga berpandukan jadual 1.

Jadual 1: Penskoran Pemarkahan Ulasan Bahasa Melayu Tingkatan Tiga

Peringkat	Markah	Kriteria
Cemerlang	12-15	Idea • Isi Tersurat Dan Tersirat Yang Relevan Dengan Bahan. • Ulasan Idea Yang Jelas Dan Matang Bahasa • Ayat Gramatis • Kosa Kata Luas Dan Tepat • Ejaan Dan Tanda Baca Yang Betul. • Kesalahan Bahasa Yang Minimum. • Pengolahan Bahasa Yang Menarik Dan Berkesan.
Baik	09-12	Idea • Isi Tersurat Dan Tersirat Yang Masih Relevan Dengan Bahan. • Ulasan Idea Yang Jelas. Bahasa • Ayat Masih Gramatis. • Kosa Kata Luas. • Ejaan Dan Tanda Baca Yang Masih Betul. • Kesalahan Bahasa Yang Masih Minimum.
Memuaskan	05-08	Idea • Idea Tersurat Dan Tersirat Masih Relevan Dengan Bahan. • Ulasan Idea Yang Kurang Jelas. Bahasa • Ayat Kurang Gramatis. • Kosa Kata Terhad. • Kesalahan Bahasa Yang Ketara.
Penguasaan Minimum	01-04	Keseluruhan Jawapan Calon Menunjukkan Penggunaan Bahasa Yang Tidak Cekap. Tidak Menjawab Tugas.

Sumber: Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah MARA 2014.

Seterusnya, pelajar diberikan soalan ulasan yang sama kepada mereka. Hal ini bagi memudahkan sistem pemarkahan diberikan apabila penulisan ulasan telah siap. Oleh itu, teknik pengajaran yang sama juga digunakan semasa memberikan latihan penulisan ulasan kepada pelajar. Tiga teknik yang digunakan antaranya:

i. Teknik Membina Kerangka dan Peta Minda

Lazimnya, penulisan ulasan pada tahap tingkatan tiga telah disediakan maklumat ringkas berkaitan tajuk ulasan yang perlu disiapkan oleh pelajar. Bagaimanapun, maklumat tersebut hanya sebagai panduan utama pelajar yang dapat membantu mereka mengembangkan isi. Oleh itu, teknik ini diajar kepada pelajar untuk membina pendahuluan ulasan, isi ulasan berdasarkan maklumat yang sedia ada di dalam soalan dan kesimpulan ulasan. Malah, penyediaan ulasan yang baik memerlukan pelajar menulis antara 80 hingga 100 patah perkataan sahaja. Hal ini, bermakna ulasan yang baik tidak boleh melebihi 100 patah perkataan dan tidak boleh kurang daripada 80 patah perkataan. Rangka ulasan dan peta minda awal dapat membantu pelajar mengembangkan idea semasa menulis ulasan. Terutamanya, apabila menulis isi ulasan. Bagaimanapun, kaedah ini gagal dikuasai semua pelajar yang mengambil kelas tuisyen bahasa Melayu tingkatan tiga kerana terdapat pelajar yang tidak mampu menulis ulasan hanya berdasarkan penggunaan rangka dan peta minda ulasan yang terlalu pendek dan ringkas dalam jangka masa yang diberikan pengajar.

Jadual 2: Penilaian Terhadap Pelajar Menggunakan Teknik Membina Kerangka dan Peta Minda dalam Penulisan Ulasan.

Bil.	Jantina	Penilaian	Komen Pengajar
1.	Lelaki	Cemerlang	Pelajar mampu menyiapkan ulasan dengan baik mengikut sistem pemerenggan yang betul berdasarkan rangka dan peta minda yang disediakan sendiri oleh pelajar.
2.	Lelaki	Memuaskan	Pelajar dapat menyiapkan penulisan ulasan berpanduan maklumat sedia ada dan rangka tetapi memerlukan bantuan pengajar untuk membina ayat.
3.	Lelaki	Penguasaan minimum	Pelajar gagal menyiapkan penulisan ulasan kerana tidak mampu mengembangkan idea. Malahan tidak dapat memberikan idea sendiri walaupun dibantu pengajar.
4.	Lelaki	Penguasaan minimum	Pelajar gagal menyiapkan penulisan ulasan kerana tidak mampu mengembangkan idea. Malahan tidak dapat memberikan idea sendiri walaupun dibantu pengajar.
5.	Perempuan	Cemerlang	Pelajar mampu menyiapkan ulasan dengan baik mengikut sistem pemerenggan yang betul

			berdasarkan rangka dan peta minda yang disediakan sendiri oleh pelajar.
6.	Perempuan	Memuaskan	Pelajar dapat menyiapkan penulisan ulasan berpandukan maklumat sedia ada dan rangka tetapi memerlukan bantuan pengajar untuk membina ayat.
7.	Perempuan	Penguasaan minimum	Pelajar gagal menyiapkan penulisan ulasan kerana tidak mampu mengembangkan idea. Malahan tidak dapat memberikan idea sendiri walaupun dibantu pengajar.

Berpandukan jadual 2, terdapat hanya dua orang pelajar mendapat keputusan yang cemerlang. Manakala dua orang pelajar lagi hanya memperoleh markah pada tahap memuaskan. Bagaimanapun, terdapat tiga orang pelajar gagal mendapat markah yang baik kerana tidak mampu mengembangkan idea kepada semasa proses menulis ulasan. Teknik pengajaran ini sesuai digunakan kepada pelajar yang telah mahir menulis ulasan.

ii. Teknik Menyalin Semula Ulasan

Seterusnya, kaedah menyalin semula ulasan yang telah siap atau jawapan ulasan sebenar menjadi pilihan semasa mengajar. Kaedah ini dilihat mampu membantu pelajar yang lemah dalam penulisan ulasan. Mereka lebih berkeyakinan ketika menulis ulasan kerana dapat merujuk jawapan yang betul. Oleh itu, dalam masa yang sama pelajar dapat menambah ilmu pengetahuan dan cara menulis ulasan yang betul. Cara menyalin semula dapat diertikan sebagai perangsang kepada pelajar yang masih lagi baru dalam penulisan ulasan. Malahan cara ini dapat dipraktikkan ketika di rumah tanpa pengawasan guru. Bagaimanapun, guru masih perlu memantau ulasan yang telah disiapkan untuk memastikan tidak berlaku percanggahan pendapat atau cara yang betul dalam penulisan ulasan bahasa Melayu tingkatan tiga.

Jadual 3: Penilaian Terhadap Pelajar Menggunakan Teknik Menyalin Semula Ulasan dalam Penulisan Ulasan.

Bil.	Jantina	Penilaian	Komen Pengajar
1.	Lelaki	Cemerlang	Pelajar dapat menyiapkan ulasan dengan baik apabila dibenarkan menyalin semula jawapan ulasan yang betul sebagai latihan. Selepas proses menyalin semula pelajar boleh membuat ulasan dengan lebih baik dan cepat daripada sebelumnya.
2.	Lelaki	Cemerlang	Pelajar dapat menyiapkan ulasan dengan baik apabila dibenarkan menyalin semula jawapan ulasan yang betul sebagai latihan. Selepas proses menyalin

			semula pelajar boleh membuat ulasan lebih baik daripada sebelumnya.
3.	Lelaki	Cemerlang	Pelajar dapat menyiapkan ulasan dengan baik apabila dibenarkan menyalin semula jawapan ulasan yang betul sebagai latihan. Selepas proses menyalin semula pelajar boleh membuat ulasan lebih baik daripada sebelumnya.
4.	Lelaki	Cemerlang	Pelajar dapat menyiapkan ulasan dengan baik apabila dibenarkan menyalin semula jawapan ulasan yang betul sebagai latihan. Selepas proses menyalin semula pelajar boleh membuat ulasan lebih baik daripada sebelumnya.
5.	Perempuan	Cemerlang	Pelajar dapat menyiapkan ulasan dengan baik apabila dibenarkan menyalin semula jawapan ulasan yang betul sebagai latihan. Selepas proses menyalin semula pelajar boleh membuat ulasan dengan lebih baik dan cepat daripada sebelumnya.
6.	Perempuan	Cemerlang	Pelajar dapat menyiapkan ulasan dengan baik apabila dibenarkan menyalin semula jawapan ulasan yang betul sebagai latihan. Selepas proses menyalin semula pelajar boleh membuat ulasan lebih baik daripada sebelumnya.
7.	Perempuan	Cemerlang	Pelajar dapat menyiapkan ulasan dengan baik apabila dibenarkan menyalin semula jawapan ulasan yang betul sebagai latihan. Selepas proses menyalin semula pelajar boleh membuat ulasan lebih baik daripada sebelumnya.

Oleh itu, jadual 3 menunjukkan pencapaian yang cemerlang apabila mereka dibenarkan menyalin semula ulasan yang betul. Walaupun teknik ini seperti meniru tetapi dapat membantu pelajar yang lemah mempelajari cara menulis ulasan yang baik semasa membuat latihan. Melalui cara ini juga pelajar sedang mempelajari penulisan yang menggunakan bahasa dengan sistem dan tata bahasa bahasa Melayu yang betul. Bacaan berulang kali semasa menulis secara tidak langsung menjadi input dalam perkembangan pembelajaran melalui pemerolehan bahasa Melayu melalui peniruan.

iii. Teknik Perbincangan dalam Kumpulan

Kemudian, teknik perbincangan dalam kumpulan diaplikasikan semasa proses penulisan ulasan di dalam kelas. Oleh itu, semua pelajar perlu berada di dalam kumpulan untuk memberikan sumbang saran bagi menyiapkan tajuk ulasan yang diberikan oleh pengajar. Pelajar menunjukkan minat dan

kesungguhan apabila dapat berbincang di dalam kumpulan kecil. Hal ini kerana pelajar yang dapat menulis dengan baik dapat membantu pelajar yang lemah dalam penulisan ulasan. Oleh itu, pelajar dapat menghasilkan ulasan yang lebih baik apabila mendapat idea yang bernas daripada semua pihak.

Jadual 4: Penilaian Terhadap Pelajar Menggunakan Teknik Perbincangan dalam Kumpulan untuk Penulisan Ulasan

Bil.	Jantina	Penilaian	Komen Pengajar
1.	Lelaki	Cemerlang	Pelajar dapat membantu rakan sekelas dengan memberikan idea dan menulis bersama ulasan.
2.	Lelaki	Cemerlang	Pelajar menunjukkan minat semasa berbincang dalam kumpulan dan dapat menyiapkan ulasan.
3.	Lelaki	Cemerlang	Pelajar dapat menyiapkan penulisan ulasan kerana menulis dan berbincang di dalam kumpulan bersama pelajar yang lebih mahir menulis ulasan.
4.	Lelaki	Cemerlang	Pelajar dapat menyiapkan penulisan ulasan kerana menulis dan berbincang di dalam kumpulan bersama pelajar yang lebih mahir menulis ulasan.
5.	Perempuan	Cemerlang	Pelajar dapat membantu rakan sekelas dengan memberikan idea dan menulis bersama ulasan.
6.	Perempuan	Cemerlang	Pelajar menunjukkan minat semasa berbincang dalam kumpulan dan dapat menyiapkan ulasan. Malahan dapat memberikan idea dalam penulisan ulasan.
7.	Perempuan	Cemerlang	Pelajar dapat menyiapkan penulisan ulasan kerana menulis dan berbincang di dalam kumpulan bersama pelajar yang lebih mahir menulis ulasan.

Kemudian, teknik perbincangan dalam kumpulan dibenarkan kepada pelajar. Keputusan markah di dalam jadual 4 menunjukkan peningkatan yang baik dan positif. Hal ini menunjukkan peranan rakan sebaya sebagai untuk membantu rakan yang lemah begitu penting dalam proses pembelajaran.

Objektif Kajian ii:

Mengenal pasti teknik penulisan ulasan yang sesuai dan berkesan digunakan kepada pelajar tingkatan tiga

Hasil kajian yang dijalankan bagi menjawab objektif kajian pertama mendapati terdapat dua jenis teknik yang berkesan digunakan dalam pengajaran penulisan ulasan. Teknik menyalin semula ulasan dapat digunakan kepada semua tahap kemampuan pelajar. Hal ini kerana, teknik menyalin

memerlukan pelajar melihat jawapan sebenar atau contoh ulasan yang betul sahaja. Oleh yang demikian, teknik ini dapat meningkatkan pengetahuan pelajar dan kemahiran mereka dalam menulis ulasan dengan lebih baik. Malah, teknik meniru adalah cara yang terbaik diaplikasikan kepada pelajar yang lemah dan masih berada pada tahap asas penguasaan bahasa Melayu.

Seterusnya, teknik perbincangan kumpulan adalah pilihan yang baik. Hal ini kerana pelajar lebih cenderung berbincang dalam kumpulan bersama rakan sebaya. Malahan dalam masa yang sama perbincangan dalam kumpulan dapat mengeratkan hubungan antara pelajar ketika proses Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) berlangsung. Salhah Abdullah (2005) menjelaskan aktiviti pembelajaran dalam kumpulan merupakan konteks sebenar di mana proses belajar dapat dipraktikkan. Malah, perbincangan di dalam kumpulan kecil menjadi medium yang baik untuk bertukar pendapat tentang sesuatu isu yang sedang dibincangkan.

Menurut Muhammad Yusuf (2019) menjelaskan pada zaman moden ini, metodologi diperlukan dalam hasil pembacaan akademik dari pelbagai perspektif ilmu, salah satunya adalah psikolinguistik. Oleh yang demikian, pembelajaran bahasa pada masa kini memerlukan elemen penting dalam aspek psikolinguistik bagi meningkatkan kemahiran berbahasa yang baik. Kemudian, Muhammad Yusuf (2019) menjelaskan lagi berdasarkan psikolinguistik, pembelajaran bahasa menghasilkan pelbagai model dalam pembelajaran yang aktif. Model-model yang terhasil bertujuan memberikan ruang yang mendalam untuk menguasai aspek bahasa yang dipelajari oleh manusia. Tambah, Muhammad Yusuf (2019) lagi model pembelajaran adalah sintesis akademik yang pelbagai dan didasarkan pada pembacaan akademik dengan peminjaman daripada teori psikolinguistik sebagai analisis.

Objektif Kajian iii:

Mencadangkan teknik pengajaran penulisan ulasan yang lebih sesuai kepada pelajar tingkatan tiga

Menurut Hanifah Sabin *et.al*, (2019) menjelaskan penemuan psikolinguistik kognitif, pemerolehan bahasa dan keupayaan membaca seseorang bermula sejak dilahirkan. Malah, Hanifah Sabin *et.al*, (2019) menjelaskan lagi penemuan ini adalah selari dengan teori nativis yang dipelopori oleh Noam Chomsky (1957) yang berpendapat bahawa setiap kanak-kanak dilahirkan mempunyai keupayaan berbahasa secara semula jadi yang dikenali sebagai *Language Acquisition Device*, LAD (bahagian dalam otak yang memudahkan pemerolehan bahasa). Oleh yang demikian, murid sekolah juga telah mempunyai sumber pemerolehan bahasa sejak mereka dilahirkan lagi dan digunakan terus sehingga menjangkau usia persekolahan formal.

Maka, seseorang individu akan berpotensi mempelajari teknik yang baik untuk menguasai bahasa pertama melalui lisan dan bertulis. Berdasarkan Hanifah Sabin *et.al*, (2019) menjelaskan setelah seorang bayi dilahirkan di dunia ini, bayi tersebut akan terus berusaha mempelajari segala hal di persekitarannya dengan menggunakan pancainderanya. Tambah, Hanifah Sabin *et.al*, (2019) lagi pengetahuannya tentang dunia inilah yang menjadi asas kepada pemerolehan bahasa dan keupayaan membacanya kelak. Hanifah Sabin *et.al*, (2019) menambah lagi dengan erti kata yang lain, berbahasa dan membaca tidak mungkin berlaku tanpa pengetahuannya terhadap dunia.

Melalui penekanan aspek psikolinguistik maka murid sekolah berupaya mengaplikasikan penguasaan bahasa yang baik dengan pelbagai teknik berkesan.

Selanjutnya, cadangan penggunaan teknik pengajaran penulisan ulasan yang sesuai kepada pelajar tingkatan tiga bahasa Melayu dapat meningkatkan pencapaian pelajar. Bagaimanapun, teknik pengajaran penulisan ulasan juga bergantung kepada kemahiran menulis dan pengetahuan am yang dimiliki pelajar. Tambahan lagi, pada masa kini pelajar lebih cenderung menggunakan alat telekomunikasi yang canggih dengan kemudahan internet untuk mendapatkan bahan bacaan. Oleh itu, cadangan yang dikemukakan ini berdasarkan senario pelajar masa kini. Malahan cara ini dapat membantu pelajar mendapatkan input pengetahuan am tentang bahasa Melayu bagi meningkatkan pengetahuan am mereka. Malah, dalam meningkatkan kemahiran bahasa Melayu juga terdapat aspek psikolinguistik yang menjadi elemen penting dalam proses pembelajaran yang berlaku.

i. Teknik Perbincangan Bersama Guru Secara Peribadi

Perbincangan bersama guru secara peribadi dapat meningkatkan kemahiran menulis ulasan pelajar kerana fokus guru hanya tertumpu kepada seorang pelajar sahaja. Hal ini dapat membantu pelajar yang lemah untuk meningkatkan kemahiran menulis ulasan dengan lebih baik.

ii. Teknik Bacaan Akhbar Atas Talian

Pada masa kini pelajar tidak gemar membeli akhbar bercetak dan membaca bahan tersebut. Walhal, mereka lebih gemar menggunakan aplikasi yang canggih seperti telefon bimbit yang lengkap dengan kemudahan internet. Oleh yang demikian, guru boleh menggunakan medium akhbar atas talian semasa proses pengajaran. Pelajar boleh meluangkan masa membaca satu atau lebih artikel berita pendek ketika kelas berlangsung untuk menambahkan pengetahuan am.

iii. Pengajaran Melalui Kumpulan *Whatsapp*

Perbincangan bersama pelajar di dalam kumpulan *whatsapp* boleh digunakan pada bila-bila masa. Hal ini kerana, medium ini lebih berkesan ketika pelajar menghadapi masalah ketika ketiadaan guru. Malahan melalui kumpulan *whatsapp*, guru dapat menunjukkan peta minda, nota dan menghantar pesanan suara jika perlu. Teknik ini berkesan terutamanya bila pelajar memerlukan pakar rujuk ketika membuat ulang kaji secara persendirian atau berkumpulan tanpa kehadiran guru di lokasi tersebut.

iv. Teknik Baca dan Tulis Semula

Kemudian, teknik membaca ulasan yang betul dan menulis semula boleh diaplikasikan dalam pengajaran penulisan ulasan bahasa Melayu PT3. Malahan teknik ini membolehkan pelajar menggunakan aplikasi alat telekomunikasi yang mempunyai internet atau menggunakan medium

bercetak. Oleh yang demikian, teknik ini dapat memberikan gambaran awal sebelum pelajar menulis ulasan sebenar.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, teknik pengajaran penulisan ulasan bergantung kepada tahap penguasaan pelajar dalam penulisan. Teknik penggunaan rangka dan peta minda lebih sesuai digunakan kepada pelajar yang mahir menulis dan mempunyai pengetahuan am yang baik. Manakala teknik pengajaran secara menyalin semula ulasan yang betul dapat diaplikasikan kepada pelajar yang lemah dalam penulisan ulasan. Begitu juga, teknik perbincangan dalam kumpulan bersama rakan sebaya yang dapat membantu antara satu sama lain. Selain itu, teknik pengajaran yang menggunakan teknologi canggih dapat membantu pengajaran guru menjadi lebih mudah dan berkesan. Antara cadangan yang diketengahkan dalam kajian ini adalah perbincangan guru secara perseorangan, bacaan akhbar atas talian, perbincangan melalui kumpulan *whatsapp* juga teknik bacaan dan tulis semula. Adalah diharapkan kajian yang dijalankan ini dapat membantu pelajar meningkatkan kemahiran dalam penulisan ulasan. Malahan pengajar dapat menggunakan teknik pengajaran yang sesuai dan lebih baik untuk membantu pelajar tingkatan tiga bahasa Melayu. Hal ini kerana, bahagian penulisan merupakan bahagian yang penting dalam kertas peperiksaan akhir tingkatan tiga. Kepentingan dalam aspek psikolinguistik manusia memainkan peranan penting dalam proses pembelajaran bahasa yang melibatkan bacaan, dan penulisan. Oleh yang demikian, aplikasi teknik yang kreatif dan pelbagai dalam pembelajaran untuk meningkatkan kemahiran dalam penulisan karangan adalah bersandar kepada tingkah laku dan linguistik seseorang individu.

RUJUKAN

- Abdul Ghani Jalil. (2016). Tingkah Laku dan Proses Semasa Menulis Karangan Respons Terbuka Murid Berprestasi Rendah. *International Seminar on Generating Knowledge Through Research, UUM-UMSIDA, 25-27 October 2016, Universiti Utara Malaysia, Malaysia*. 951-958.
- Abdul Rasid Jamian, Nurul Nadiah Razali dan Shamsudin Othman. (2016). Pengaplikasian Teknik Didik Hibur Meningkatkan Pencapaian Penulisan Karangan Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 41(1), 39-45.
- Ahmad Fikri Ab. Rahman dan Zamri Mahamod. (2019). Teknik Lakaran Bersama Peta Alir I-Think Meningkatkan Kemahiran Menjana Idea Murid Etnik Lun Bawang dalam Karangan Autobiografi. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 9(1), 12-22.
- Azhar Md Sabil, Shamsudin Othman, Abdul Rasid Jamian dan Rozita Radhiah Said. (2020). Penggunaan Frog VLE dalam Pengajaran Penulisan Karangan Bahasa Melayu Murid-Murid Sekolah Menengah. *International Journal of Education and Training*. 6(2), 1-8.

- Baiziela Sapingi @ Shapiee.(2012). Penggunaan Peta Minda dan Kata Tanya dalam Meningkatkan Kemahiran Menulis Karangan Jenis Fakta Bahasa Melayu Murid Tahun Empat. *Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan PSMP Bahasa Melayu ambilan Januari 2009, Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012*, 1-14.
- Che Zanariah Che Hassan dan Fadzilah Abd Rahman.(2011). *Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Menulis di Sekolah Rendah*. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu. Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah MARA. 2014.
- Hanifah Sabin, Vincent Pang dan Muhammad Idris Bullare@Bahari. (2019). Modul Membaca Awal Prasekolah Menggunakan Nyanyian Berasaskan Teori Psikolinguistik Kognitif dan Aplikasi Kaedah Belajar melalui Bermain. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 44(1), 45-58.
- Iis Lisnawati. (2008). Psikolinguistik dalam Pembelajaran Bahasa. *Jurnal Pendidikan dan Budaya*. 6(1), 32-43.
- Izan Mohd Yusoff, Wan Haslinawati Wan Hassan dan Fatin Haminah Rosli. (2020). Psikolinguistik dalam Proses Pembelajaran Bahasa serta Kaitannya dengan Pendidikan Bahasa Arab. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5 2020) – Dalam Talian 24 & 25 November 2020*. 255-266.
- Lai Lee Chung,Chin Hai Leng dan Chew Fong Peng. (2017). Amalan Pengajaran Guru Bahasa Melayu Tingkatan Empat dalam Penulisan Karangan dari Aspek Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif serta Pembelajaran Kolaboratif. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*. 4(1), 1-12.
- Muhammad Yusuf. (2019). Psikolinguistik dalam Metodologi Pembelajaran Bahasa Arab di Era Postmetode. *Jurnal Al Mi'yar*. 2(2), 183-202.
- Norfaizah Abdul Jobar, Anida Sarudin dan Idris Md. Radzi. (2016). Analisis Metafungsi Bahasa dalam Penulisan Karangan. *Jurnal Bahasa*. 16(2), 307-322.
- Nurul Aisyah Abdullah, Zamri Mahamod dan Nor Azwa Hanum Nor Shaid. (2016). Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Penulisan Karangan Bahasa Melayu Pelajar Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 6(2),1-9.
- Salhah Abdullah. (2005). *Guru Sebagai Fasilitator*. PTS Profesional. Publishing Sdn. Bhd.
- Siti Noridayu Abd. Nasir dan Hazlina Abdul Halim. (2023). Kerangka Standard Bahasa Melayu (KBSM) sebagai Pengukur Penguasaan Penulisan Bahasa Melayu dalam Buku Aktiviti Tingkatan Tiga. *International Journal of Contemporary Education, Religious Studies and Humanities*. 3(1), 32-47.
- Siti Zeharah Abd Rahman, Rozita Radhiah Said dan Marzni Mohamed Mokhtar. (2021). Pengetahuan Bakal Guru BPBM terhadap Teknik Pengajaran Karangan Jenis Berformat Menengah Atas. *International Journal of Education and Training*. Injet 7, 1-10.
- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim dan Yusmini Md. Yusoff. (2006). *Kaedah Mengajar & Kemahiran Interpersonal Guru*. PTS Profesional. Publishing Sdn. Bhd.
- Umi Nadiha Mohd. Noor, Zamri Mahamod dan Jamaludin Badusah. (2011). Penerapan Kemahiran Generik dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 1(2), 71-84.

- Zanaton Iksan, Salasiah Hanin Hamjah, Tengku Intan Zarina Tengku Puji dan Mohd Noor Saper.(2016). Kualiti Ilmu Berasaskan Kesahan dan Kebolehpercayaan Data dalam Penyebaran Ilmu Islam: Perbincangan Berasaskan Kajian Kualitatif. *Jurnal Hadhari*. 8(1), 13-30.
- Zulkifli Hamid. (2011). Peranan Teori Psikolinguistik dalam Pemurnian dan Pemeriksaan Pendidikan Bahasa Melayu di Malaysia. *Jurnal e-Bangi*. 6 (2), 183-192.